

Headline	Persidangan bincang kaedah cegah, rawat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	F2	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	168 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,688
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,063



Persidangan bincang kaedah cegah, rawat

Sindrom HIV/Aids bukan penyakit yang boleh dipandang remeh dan ia sewajarnya ditangani secara tuntas untuk mengekang daripada terus merebak kepada generasi akan datang.

Sehubungan itu, Persatuan AIDS Antarabangsa (IAS) dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan Penyelidikan AIDS (CERIA) akan menganjurkan Persidangan IAS Kali Ke-7 berkenaan Patogenesis, Rawatan dan Pencegahan HIV (IAS 2013).

Persidangan itu akan diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), pada 30 Jun hingga 3 Julai.

Persidangan terbesar di Asia itu diadakan setiap dua tahun dan dijangka menarik kira-kira 5,000 perwakilan dari seluruh dunia.



TUMPUAN KAMI UNTUK MENDIDIK WALAUPUN KITA BERADA DI DALAM ERA TEKNOLOGI MODEN DAN PEMIKIRAN YANG MAJU"

Dr Adeeba Kamarulzaman,
Pegawai Pusat Kecemerlangan Penyelidikan AIDS (CERIA)

Pakar cari pendekatan

Sepanjang tempoh persidangan itu, pakar kesihatan awam, doktor dan saintis terkemuka dunia serta pemimpin masyarakat berbincang, mencari pendekatan dan mendedahkan perkembangan terkini dalam penyelidikan berkaitan HIV, selain meneroka bagaimana kemajuan saintifik bagi melawan penyakit terbabit.

Orang ramai dialuahukan menyertai persidangan itu. Mereka yang berminat mengikuti persidangan ini boleh melayari laman web www.ias2013.org.

Headline	Persidangan bincang kaedah cegah, rawat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	F2	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	168 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,688
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,063

